

Najib buat lawatan mengejut tinjau MRT

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak membuat lawatan mengejut ke projek Transit Aliran Massa Lembah Klang (KVMRT), semalam bagi memastikan projek itu menepati jadual pembangunan.

Lawatan kerja kelima Perdana Menteri itu antara lain adalah komitmen kerajaan dalam memacu ledakan industri pengangkutan pintar, sekali gus memanfaatkan rakyat di negara ini.

Ketibaan Najib di platform MRT yang beroperasi bagi laluan pertama iaitu Sungai Buloh-Kajang (SBK) disambut Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar dan Pengarah Projek laluan SBK, Marcus Karakashian.

Perjalanan Perdana Menteri menaiki tren dari stesen Semantan ke Pusat Bandar Damansara, sebelum berhenti di stesen Phileo Damansara untuk melawat ruang lebar dan mesin tiket layan diri yang siap dipasang.

MRT Corp dalam kenyataan semalam menjelaskan pembangu-

nan laluan SBK ketika ini adalah 89 peratus.


Fasa pertama projek merangkumi perjalanan dari stesen Sungai Buloh ke Semantan dijadual beroperasi Disember tahun depan, manakala baki laluan iaitu Semantan-Kajang dijangka siap Julai tahun depan.

Pemangkin pembangunan lebih pesat

Sementara itu, Najib menerusi catatan di blog rasminya, NajibRazak.com menyifatkan projek MRT adalah dekat dengan hatinya kerana ia bakal menjadi pemangkin pembangunan lebih pesat untuk negara, selain membantu rakyat menjalani kehidupan seharian yang lebih selesa.

“Projek ini adalah antara bukti utama pendekatan ‘rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan’ yang digagaskan kerajaan, sekali gus menjana pelbagai manfaat untuk pengguna.

“Saya tidak sabar untuk melihat rakyat Malaysia menaikinya buat kali pertama hujung tahun ini, insya-Allah,” katanya, malam tadi.



Najib bersama Karakashian menaiki MRT dari stesen Phileo Damansara ke Stesen Semantan ketika membuat tinjauan kerja akhir pembinaan stesen, semalam.